

>> **Kemaluan dicurah sambal cili, diberi makan najis, tidur di stor, dipukul setiap hari, badan diseterika**

HARIAN METRO

KEPALA mangsa yang cedera dan dibotakkan.



PARUT pada badan mangsa yang cedera didakwa didera.



Buat macam binatang!!

Mohamad Azim Fitri Abd Aziz
am@hmetro.com.my

■ Ibu kesal anak diserahkan kepada keluarga angkat didera saban hari

Harian metro
14/8/17
m/s 2

“**S**aya tidak sangka dia (saudara terdekat) sanggup memperlakukan anak saya seperti binatang. Kalau saya tahu hendak jadi begini, saya tidak akan serahkan anak saya menjadi anak angkatnya.”

Begini luahan Umi Hamzah, 35, ibu kanak-kanak perempuan berusia enam tahun yang menjadi mangsa penderaan kejam saudara sendiri sejak beberapa bulan lalu selepas mangsa tinggal bersama wanita berkenaan di sini.

Antara dakwaan kekejaman berkenaan termasuk kemaluan dicurah sambal cili, diberi makan najis, dipaksa tidur di bahagian stor rumah, dipukul setiap hari menggunakan rotan, disimbah air panas selain badan diseterika akibat kesalahan kecil.

Menurutnya, perkara itu didedahkan anak perempuannya Jumaat lalu.

Ini selepas dia mengambil keputusan mengambil mangsa semula selepas lapan bulan dijaga wanita berkenaan yang berusia 29 tahun.

Umi berkata, dia mendapati anaknya dalam keadaan lemah selain kepalanya dibotakkan.

Katanya, anak bongsunya itu memaklumkan dia sering dirotan dan disimbah air panas, malah kemaluannya dicerahkan menggunakan



“**Kemaluannya dicerahkan menggunakan sambal cili Umi**”

KEADAAN budak yang didakwa didera keluarga angkatnya.

sambal cili disebabkan kesalahan kecil yang dilakukannya.

“Saya tanya anak saya apa yang dia (wanita itu) lakukan, saya seperti tidak percaya dan hampir menitiskan air mata apabila terbayangkan penderitaan dan penyiksaan ditanggung anak

saya itu.

“Memang susah hendak percaya kerana sebelum ini hubungan kami baik, saya dan suaminya tidak mempunyai masalah. Tergamak dia memperlakukan anak saya sedemikian rupa,” katanya ketika dihubungi Harian Metro, di

sini, semalam.

Umi mendakwa lebih menyedihkan anaknya memberitahu dipaksa memakan najis serta tidur di dalam stor dan ini menimbulkan kemarahannya.

Dia menghubungi wanita itu untuk mendapatkan penjelasan.

“Saya diberitahu segala kecederaan anak saya itu disebabkan kenakalan hingga sering terjatuh.

“Saya tidak dapat terima alasan itu sebelum membuat laporan polis semalam (kelmarin) di Balai Polis Jaya Gading,” katanya.

Menurut Umi, ketika melawat anaknya pada Aidifitri lalu, dia ada menemui beberapa kesan lebam pada badan anaknya itu, tetapi tidak mengesyaki sesuatu yang buruk.

Ini kerana wanita itu menjelaskan segala kecederaan berkenaan disebabkan anaknya yang sering terjatuh ketika bermain.

“Saya harap polis dapat menyasat kes ini dan membawa mereka yang mendera anak saya ke muka pengadilan,” katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kuantan Asisten Komisioner Abdul Aziz Salleh, ketika dihubungi, di sini, semalam, mengesahkan menerima laporan dibuat keluarga mangsa.

Beliau berkata, pihaknya kini menjalankan siasatan lanjut, termasuk membawa mangsa menjalani pemeriksaan perubatan sebelum tindakan menahan suspek diambil.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 31 (1) (a) Akta Kanak-Kanak 2010,” katanya.